

Headline	Semakan enam bulan tak jejas bil elektrik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jan 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	14	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,161
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,482



Semakan enam bulan tak jejas bil elektrik

Putrajaya: Kadar tarif elektrik yang disemak semula setiap enam bulan tidak memberi kesan kenaikan harga kepada pengguna sekiranya berlaku peningkatan kos gas dan arang batu dunia.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga Ir Azhar Omar berkata, hal ini kerana, pihaknya akan menggunakan dana terkumpul dalam Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi menampung sebarang kenaikan termasuk peningkatan kos bagi bahan bakar berkenaan.

“Semakan semula itu adalah bagi kos tidak seimbang berdasarkan keadaan berlaku pada masa sekarang dengan penetapan tarif elektrik sebelum ini.

“Jika ada perbezaan dalam perkara ini, kita akan memberi pelepasan kepada pengguna sama ada dalam bentuk rebat atau surcaj,” katanya pada takli-

mat media berkenaan tarif elektrik, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Tenaga Datuk Abdul Razak Abdul Majid.

Pada 26 Disember lalu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dilaporkan berkata, kadar tarif elektrik pengguna di Semenanjung kekal bagi

tempoh tiga tahun akan datang bermula pada 1 Januari tahun ini hingga 31 Disember 2020, manakala kadar sedia ada di Sabah dan Labuan tidak

berubah hingga Jun tahun depan.

Ongkili dipetik berkata, jumlah keseluruhan rebat tarif elektrik ialah sebanyak RM929.37 juta bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun ini dan secara keseluruhan, kerajaan memberikan rebat berjumlah RM6.3 bilion kepada pengguna di Semenanjung bagi tempoh Mac 2015 hingga Jun ini.

FAKTA

Kadar tarif elektrik pengguna di Semenanjung kekal bagi tempoh tiga tahun akan datang